

Headline	Malaysia nan indah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V1,V4,V5	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	2054 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,569
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,707



**Malaysia
nan indah**

→ Negara kita kaya dengan pelbagai flora dan fauna serta keindahan alam semula jadi yang dikagumi pelancong »4&5

Headline	Malaysia nan indah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V1,V4,V5	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	2054 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,569
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,707

Syurga pencinta alam sekitar

Oleh Suliaty Asri

suliaty@hmetro.com.my

DUDUK di puncak tertinggi Asia Tenggara (4,095 meter) melihat matahari terbit pengalaman yang tidak akan penulis lupakan.

Peluh yang menitik sepanjang pendakian ditambah kelelahan yang nyaris membuatkan penulis berpatah-patah nyata berbaloi dengan pemandangan disajikan.

Keunikan stalagmit dan stalaktit berusia ratusan juta tahun itu cukup mengujakan.

Nun jauh di gua yang gelap, dengan hanya berbekalkan lampu suluhan dengan cahaya yang minimum, penulis terpaksa meredah laluan sempit dan merangkak, memang sukar digambarkan dengan kata-kata.

Terpaksa meredah laluan hutan belantara atau berperang dengan pacat nyata tidak sia-sia saat mata terpandang spesies burung yang jarang dilihat itu.

Melihat burung eksotik yang cantik serta menakjubkan selain mengambil gambar burung yang saban tahun berhijrah itu bagaikan satu kepuasan.

Mendaki gunung, eksplorasi gua atau memerhati burung adalah aktiviti yang jauh berbeza tetapi memberikan kepuasan dan pengalaman cukup bermakna.

Malaysia cukup bertuah kerana dianugerahkan pelbagai flora dan fauna serta alam semula jadi menakjubkan.

Anugerah terindah itu

menawarkan pelbagai aktiviti luar yang hebat buat pencinta alam semula jadi dan mereka yang gemarkan aktiviti lasak.

Merancang untuk melakukan sebarang aktiviti luar dengan cuti yang masih

berbaki itu, Santai menyenaraikan 'Aktiviti Luar Yang Hebat' yang mungkin boleh anda pilih. - **sumber Tourism Malaysia**

Memerhati burung

Dari hutan paya bakau yang berlumpur sehingga ke banjaran gunung berbusuk, kepelbagaiaan landskap tropika di Malaysia menjadi tempat tinggal kepada ratu-spesies burung.

Lokasi negara di laluan penghijrahan burung Australasia juga menjadi tuan rumah kepada 120 burung.

Kini ada lebih 600 spesies dapat dilihat di Semenanjung dan 580 spesies di Borneo.

Semua burung ini boleh dilihat dengan mudah di taman dan hutan simpan, sekali gus menjadikan Malaysia syurga bagi pemerhati burung.

Hutan hujan Malaysia dibahagikan kepada tiga jenis habitat iaitu pantai pesisir hutan bakau, hutan hujan tanah pamah dan hutan tanah tinggi.

Ekosistem hutan paya bakau di mana air masin bertemu air tawar di pesisir pantai menjadi rumah kepada burung seperti raja udang.

Hutan hujan tanah pa-

mah termasuk hutan paya air tawar, hutan tanah gambut dan hutan dipterokarp bukit masih menjadi habitat yang paling luas bagi lebih dari-pada 200 burung termasuk burung botak dan merpati hijau imperial.

Hutan tanah tinggi biasanya terdapat pada ketinggian 900 meter di mana spesies seperti burung merak kuang gunung dan burung mata hitam gunung membiak di tempat sejuk, bercuaca lembap dan mempunyai pokok renek di kawasan tinggi.

Eksplorasi gua

Malaysia adalah rumah kepada sejumlah besar gua termasuk beberapa yang terbesar dan terpanjang di dunia. Gua ini terletak di hutan hujan dan paya bakau yang kaya, menyediakan tempat perlindungan kepada hidupan liar yang menakjubkan.

Kebanyakan gua di Malaysia dilengkapi platform dan denai. Namun, sesetengahnya hanya boleh dihubungi menggunakan bot atau memerlukan anda meredah dan merangkak di kawasan tertentu ke gua.

Terdapat gua yang terkenal dengan tapak arkeologi yang mempunyai artifak berusia 40,000 tahun semestara yang lain mengandungi lukisan dinding purba yang boleh dilihat sehingga ke hari ini.

Beberapa gua di negara ini juga memberi soko-

ngan kepada industri sarang burung. Pengumpul sarang burung membuat pendakian yang berbahaya sehingga ke siling gua menggunakan tangga buluh semata-mata untuk mendapatkan sarang burung.

Gua di negara ini juga adalah rumah kepada kelawar buah, burung layang-layang dan haiwan invertibrata serta tarikan alam semula jadi seperti stalagmit dan stalaktit yang banyak.

Seperti kebanyakan penjelajahan alam semula jadi, konservasi stalagmit, stalaktit dan semua hidupan liar gua sangat penting.

Pendakian bukit/batuhan curam

Bertempat di Taman Negara Kinabalu, Sabah, Gunung Kinabalu (4,095 meter), gunung tertinggi di Asia Tenggara adalah destinasi popular penduduk tempatan dan pelancong luar negara.

Pendaki boleh memulakan pendakian di Timpong (1,800m) dan bermalam di Laban Rata (3,273m) sebelum meneruskan pendakian ke puncak seterusnya.

Mahukan pendakian yang lebih lasak, menuruni gunung melalui visa ferrata, laluan yang dilengkapi dengan kabel tetap, stemples, tangga dan jambatan pasti mengujakan.

Posisi pendakian lain termasuklah Lost World of Tambun, Kampung Nipah di Pulau Tioman, Taman

Headline	Malaysia nan indah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V1,V4,V5	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	2054 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,569
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,707

Etnobotani di Gua Musang, Kelantan, Gunung Jerai di Kedah, Gunung Angsi di Negeri Sembilan atau Gunung Ledang di Johor.

Gunung Tahan di Pahang juga menjanjikan cabaran yang tersendiri dengan menuntut pendaki merentasi hutan hujan, sungai dan rawa gunung.

Dinding yang popular termasuklah Dinding Nyamuk, Dinding Nanyang, Roadshow, Dinding Comic, Dinding Damai, Dinding Putih dan Batu Merah.

Taman dan kebun

Malaysia yang menjadi salah satu hutan hujan tertua di dunia adalah rumah kepada biodiversiti yang kaya dengan flora dan fauna.

Diberi pengiktirafan sebagai salah satu daripada 12 negara mega biodiversiti di dunia, Malaysia mempunyai lebih daripada 14,500 spesies tumbuhan berbunga, 3,000 spesies pokok, 300 spesies pokok kelapa sawit, 60 spesies buluh, 210 spesies mamalia, 600 spesies burung dan beribu-ribu serangga serta hidupan laut.

Pastinya pencinta alam semula jadi akan terpesona dengan keindahan flora yang ditemui di sini termasuklah Raffles Pitcher-Plant (*Nepenthes rafflesiana*), Slipper Orchid (*Paphiopedilum Sanderianum*), Cycas (*Cycas circinalis*) dan pelbagai tumbuhan lain.

Beberapa taman dan ke-

bun di sekitar negara memberi peluang kepada pengunjung berjalan-jalan di sekitar taman sambil menikmati keajaiban alam semula jadi Malaysia.

Merentas denai hutan

Malaysia mempunyai banyak lokasi untuk aktiviti merentas denai hutan.

Hutan yang luas dan kawasan hidupan liar memberi peluang kepada pencinta alam semula jadi menikmati persekitaran yang subur di kawasan tropika.

Mahu menilai sendiri keupayaan, menjelaki Gunung Tahan di Taman Negara Pahang adalah antara destinasiannya.

Untuk merentas denai hutan, kunjungan ke Institusi Penyelidikan Hutan Simpan Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur pasti tidak mengecewakan.

Antara trek utama merentas denai hutan termasuk Taman Negara Niah, Taman Negara Mulu, Taman Alam Semula jadi Kuala Selangor, hutan bakau Selangor, hutan gunung Selangor Templers Park, hutan gunung Ulu Bendol Negeri Sembilan, hutan hujan tropika Tanah Pamah Endau Rompin Johor, hutan hujan tropika Gunung Ledang Johor dan Taman Negara Lambir.

Jika suka meredah hutan dalam cuaca sejuk, denai hutan di Cameron Highlands dan Bukit Fraser pasti mem-

berikan pengalaman yang unik.

Memerhati penyu

Empat jenis penyu laut iaitu penyu belimbing, Green, Hawksbill dan penyu Olive Ridley memilih Malaysia untuk bertelur.

Penyu ini boleh berenang pada jarak yang jauh untuk bertelur, namun jumlahnya semakin berkurangan dan beberapa jenis semakin pupus.

Melihat haiwan itu bertelur pasti meninggalkan kenangan terindah buat anda. Tempat tumpuan penyu belimbing adalah di pantai Rantau Abang, Terengganu.

Antara kawasan lain untuk aktiviti memerhati penyu bertelur ini ialah Turtle Bay, Pulau Pangkor dan Pantai Tanjung Jara, Terengganu.

Hidupan liar

Hutan di Malaysia dikatakan lebih tua daripada Hutan Amazon atau Congo, malah beberapa habitat jarang ditemui di dunia termasuk badak sumbu Sumatra, harimau dahan, harimau Malaya, beruang, biawak dan orang utan.

Hutan negara ini juga kaya dengan keindahan flora dan fauna seperti bunga Rafflesia.

Antara taman negara popular ialah Taman

Negara Bako, Kuching, Sarawak. Ia meliputi hutan seluas 2,742 hektar, taman ini termasuk pesisiran pantai yang luar biasa dengan gerbang laut dan susunan laut, terbentuk dengan batu pasir akibat tindak balas alam semula jadi iaitu ombak dan angin.

Taman Negara Kinabalu, Sabah di mana Refflesia dijumpai adalah satu lagi taman negara yang harus dikunjungi dengan tarikan utamanya Gunung Kinabalu.

Di Semenanjung Malaysia, taman yang terkenal adalah Endau-Rompin.

Di sini terdapat flora yang menarik dan jarang dijumpai termasuk pokok palma kipas, pohon buluh yang memanjang dan pokok palma.

Bagi aktiviti merentas hutan, berenang, memancing, berkhemah, memerhati burung serta mengkaji ilmu botani dan alam semula jadi,

lokasinya di Pusat Perlindungan Gajah Kuala Gandah, Pahang.



Jika anda terfikir apakah keindahan semula jadi yang dapat ditawarkan bandaraya Kuala Lumpur, berkunjunglah ke Taman Burung KL. Ia adalah pusat pemeliharaan burung terbesar di dunia.

Pelancong pasti tidak dapat melupakan kenangan indah mengunjungi tempat menarik di Malaysia


Headline	Malaysia nan indah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V1,V4,V5	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	2054 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,569
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,707



Headline	Malaysia nan indah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V1,V4,V5	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	2054 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,569
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,707



Headline	Malaysia nan indah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V1,V4,V5	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	2054 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,569
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,707



Headline	Malaysia nan indah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V1,V4,V5	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	2054 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 75,569
Frequency	Daily	PR Value	RM 226,707

